



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**KESAN KEPIMPINAN MOBIL TERHADAP KOMUNIKASI,
PRESTASI KERJA HARIAN DAN MOTIVASI
DALAM KALANGAN GURU
DI PULAU PINANG**

OH ZI JIAN



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

**TESIS DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK MEMPEROLEH
IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (PENGURUSAN PENDIDIKAN)
(MOD PENYELIDIKAN)**

**FAKULTI PENGURUSAN DAN EKONOMI
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2017



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



ABSTRAK

Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kesan Kumpulan Kepimpinan Mobil (KKM) kepada komunikasi, prestasi kerja harian dan motivasi dalam kalangan guru berbanding dengan Kumpulan Kawalan di Pulau Pinang. Hubungan antara komunikasi dengan prestasi kerja harian dan hubungan antara komunikasi dengan motivasi turut dikenal pasti dalam kalangan guru melalui Kumpulan Kepimpinan Mobil. Pendekatan kuasi eksperimen diaplikasikan dalam kajian ini. Sejumlah 156 responden telah diambil sebagai sampel kajian. Teknik pensampelan digunakan dalam kajian ini ialah pensampelan rawak mudah dengan menggunakan jadual nombor rawak. Dapatan kajian menunjukkan Kepimpinan Mobil mempunyai kesan signifikan terhadap komunikasi, prestasi kerja harian dan motivasi dalam kalangan guru. Dapatan kajian juga menunjukkan terdapat hubungan positif antara komunikasi dengan prestasi kerja harian dalam kalangan guru melalui KKM berbanding dengan Kumpulan Kawalan. Analisis juga menunjukkan hubungan positif antara komunikasi dengan motivasi dalam kalangan guru di kumpulan KKM. Secara keseluruhannya, kaedah kepimpinan mobil memberi kesan positif kepada guru dan sesuai digunakan oleh pemimpin sekolah. Implikasi kajian menyokong Teori Penstrukturan Adaptif, Teori Kegunaan dan Kepuasan, Teori Motivasi Pencapaian McClelland dan Model Penerimaan Teknologi. Penyelidikan yang lebih lanjut perlu dijalankan untuk memperluaskan potensi kepimpinan mobil dalam bidang pengurusan pendidikan.





THE EFFECT OF MOBILE LEADERSHIP TOWARDS TEACHERS' COMMUNICATION, DAILY JOB PERFORMANCE AND MOTIVATION IN PENANG

ABSTRACT

The aims of the research is to identify the effect of mobile leadership (ML) towards teachers' communication, daily job performance and motivation compared to Control Group in Penang. Relationship between communication and teachers' daily job performance and relationship between communication and teachers' motivation through experimental group also examined. A quasi-experimental method was applied in this study. The total of 156 respondents were employed as samples. The sampling technique used in this study was a simple random sampling by using a random table number. The findings showed that ML contribute a significant effect towards teachers' communication, daily job performance and motivation compared with Control Group. The analysis showed a positive relationship between communication and teachers' daily job performance through experimental group. The analysis also showed a positive relationship between communication and teachers' motivation through experimental group. Overall, mobile leadership contributed positive impact to teacher and it is appropriate to be used by school leader. The research implication supported Adaptive Structuration Theory, Uses and Gratifications Theory, McClelland Achievement Motivation Theory and Technology Acceptance Model. Further research should be taken into consideration to expand the potential of mobile leadership in educational management.



KANDUNGAN

Muka Surat

PENGAKUAN KEASLIAN PENULISAN	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
SENARAI KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvi
SENARAI SINGKATAN	xvii
SENARAI LAMPIRAN	xviii

BAB 1 PENDAHULUAN

1.1	Pengenalan	1
1.2	Latar Belakang Kajian	3
1.3	Permasalahan Kajian	6
1.4	Objektif Kajian	9
1.5	Soalan Kajian	9
1.6	Hipotesis Kajian	10
1.7	Kerangka Kajian	11

1.7.1	Kerangka Teoritikal Kajian	11
1.7.1.1	Teori Penstrukturan Adaptif	11
1.7.1.2	Teori Kegunaan dan Kepuasan	12
1.7.1.3	Teori Motivasi Pencapaian McClelland	14
1.7.1.4	Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model)	15
1.7.2	Kerangka Konseptual Kajian	16
1.8	Signifikan Kajian	19
1.9	Skop Dan Limitasi Kajian	21
1.10	Definisi Operasional	22
1.10.1	Kepimpinan Mobil	22
1.10.2	Penggunaan Peranti Mobil (Mobile Apps)	22
1.10.3	Komunikasi	23
1.10.4	Prestasi Kerja Harian	23
1.10.5	Motivasi	24
1.10.6	Kumpulan Kepimpinan Mobil (KKM)	24
1.10.7	Kumpulan Kawalan (KK)	25
1.11	Rumusan	25

BAB 2 KAJIAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	26
2.2	Teori-teori berkaitan dengan Kepimpinan Mobil	27
2.2.1	Teori Penstrukturan Adaptif	27
2.2.2	Teori Kegunaan dan Kepuasan	30
2.2.3	Teori Motivasi Pencapaian McClelland	37
2.3	Model Penerimaan Teknologi (Technology Acceptance Model, TAM)	43
2.4	e-Kepimpinan	48
2.5	Kepimpinan Maya	51
2.6	Kepimpinan Mobil	52
2.6.1	Ringkasan Definisi e-Kepimpinan, Kepimpinan Maya dan Kepimpinan Mobil	54
2.7	Penggunaan Peranti Mobil	56
2.8	Komunikasi	58
2.8.1	Ringkasan Definisi, Kelebihan, Kelemahan dan Cara Mengatasi Komunikasi Secara Maya	60
2.8.2	Kesan Kepimpinan Mobil Terhadap Komunikasi	62
2.9	Prestasi Kerja Harian	64
2.9.1	Ringkasan Definisi Prestasi Kerja dan Prestasi Kerja Harian	67
2.9.2	Kesan Kepimpinan Mobil Terhadap Prestasi Kerja Harian	69
2.10	Motivasi	70

2.10.1 Ringkasan Definisi Motivasi	74
2.10.2 Kesan Kepimpinan Mobil Terhadap Motivasi	77
2.10.3 Ringkasan Pemboleh Ubah Kajian-Kajian Lepas	78
2.11 Rumusan	82

BAB 3 METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan	83
3.2 Reka Bentuk Kajian	84
3.3 Populasi Dan Sampel Kajian	87
3.3.1 Teknik Persampelan	88
3.4 Instrumen Kajian	90
3.4.1 Soal Selidik	90
3.4.1.1 Pembentukan Instrumen Kajian	90
3.4.2 Soal Selidik Komunikasi, Prestasi Kerja Harian dan Motivasi Dalam Kalangan Guru	93
3.5 Kajian Rintis	96
3.5.1 Kesahan Instrumen Soal Selidik	97
3.5.2 Kebolehpercayaan Instrumen Soal Selidik	98
3.6 Prosedur Pemungutan Data	99
3.6.1 Aplikasi Penggunaan <i>Humanity 2.0</i>	101
3.6.2 Proses KKM	102



3.6.3	Proses Kepimpinan KK	110
3.7	Kawalan Ancaman	111
3.8	Analisis Data	115
3.8.1	ANCOVA	115
3.8.2	Analisis Korelasi	116
3.9	Ringkasan Statistik	118
3.10	Rumusan	119

BAB 4 DAPATAN KAJIAN



4.1	Pengenalan	120
4.2	Penyemakan Data Kajian Sebenar	122
4.2.1	Ujian Normaliti	122
4.2.1.1	Ujian Skewness dan Kurtosis	122
4.2.2	Ujian Kehomogenan Varians (Ujian Levene)	124
4.2.3	Andaian Korelasi Pearson Antara Praujian Dengan Pascaujian	125
4.3	Analisis Deskriptif Demografi Responden	127
4.3.1	Umur	127
4.3.2	Bangsa	128
4.3.3	Jantina	129
4.3.4	Bidang Pengajaran	130



4.3.5	Tahap Pendidikan	131
4.3.6	Pengalaman Mengajar	132
4.4	Pra-Eksperimen	132
4.4.1	Dapatan Keputusan Pra-Eksperimen	133
4.4.1.1	Ringkasan Keputusan Praujian	133
4.5	Keputusan Eksperimen	135
4.5.1	Analisis Deskriptif Praujian Dan Pascaujian Bagi Komunikasi, Prestasi Kerja Harian Dan Motivasi Guru	136
4.5.1.1	Pengujian Hipotesis 1	136
4.5.1.2	Pengujian Hipotesis 2	141
4.5.1.3	Pengujian Hipotesis 3	146
4.5.1.4	Pengujian Hipotesis 4	152
4.5.1.5	Pengujian Hipotesis 5	154
4.6	Ringkasan Bagi Hipotesis Kajian 1-5	155
4.7	Rumusan	156

BAB 5 PERBINCANGAN, CADANGAN DAN KESIMPULAN

5.1	Pengenalan	157
5.2	Perbincangan	158

5.2.1	Persoalan 1: Sejauh Manakah Kumpulan Kepimpinan Mobil (KKM) Menyumbang Kepada Komunikasi Dalam Kalangan Guru Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan (KK)?	158
5.2.2	Persoalan 2: Sejauh Manakah Kumpulan Kepimpinan Mobil (KKM) Menyumbang Kepada Prestasi Kerja Harian Dalam Kalangan Guru Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan (KK)?	160
5.2.3	Persoalan 3: Sejauh Manakah Kumpulan Kepimpinan Mobil (KKM) Menyumbang Kepada Motivasi Dalam Kalangan Guru Berbanding Dengan Kumpulan Kawalan (KK)?	161
5.2.4	Persoalan 4: Adakah Terdapat Hubungan Antara Komunikasi Dengan Prestasi Kerja Harian Dalam Kalangan Guru Melalui KKM?	163
5.2.5	Persoalan 5: Adakah Terdapat Hubungan Antara Komunikasi Dengan Motivasi Dalam Kalangan Guru Melalui KKM?	164
5.3	Implikasi Kajian	165
5.4	Cadangan Lanjutan	168
5.5	Rumusan	170

RUJUKAN	171
----------------	-----

LAMPIRAN	
-----------------	--

SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
2.1	Dominan Motivasi	39
2.2	Ringkasan Definisi e-Kepimpinan, Kepimpinan Maya dan Kepimpinan Mobil	55
2.3	Ringkasan Definisi, Kelebihan, Kelemahan dan Cara Mengatasi Komunikasi Secara Maya	61
2.4	Ringkasan Definisi Prestasi Kerja dan Prestasi Kerja Harian	68
2.5	Ringkasan Definisi Motivasi	75
2.6	Ringkasan Pemboleh Ubah Kajian-Kajian Lepas	79
3.1	Pembahagian Sampel Berdasarkan Kaedah Kepimpinan	86
3.2	Sampel Kajian	88
3.3	Item Soalan bagi Instrumen Soal Selidik	94
3.4	Bilangan Soalan bagi Instrumen Soal Selidik	94
3.5	Skala Likert	95
3.6	Kesahan Instrumen Soal Selidik	98
3.7	Tahap Skor Cronbach Alpha	98
3.8	Tafsiran Pekali Korelasi Pearson	118
3.9	Ringkasan Statistik	119
4.1	Keputusan Ujian <i>Skewness dan Kurtosis</i>	122
4.2	Keputusan Ujian Kehomogenan Varians (Ujian Levene)	124
4.3	Korelasi Antara Praujian Dengan Pascaujian Bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Komunikasi)	126

4.4	Korelasi Antara Praujian Dengan Pascaujian Bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Prestasi Kerja Harian)	126
4.5	Korelasi Antara Praujian Dengan Pascaujian Bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Motivasi)	126
4.6	Taburan Responden Mengikut Umur	127
4.7	Taburan Responden Mengikut Bangsa	128
4.8	Taburan Responden Mengikut Jantina	129
4.9	Taburan Responden Mengikut Bidang Pengajaran	130
4.10	Taburan Responden Mengikut Tahap Pendidikan	131
4.11	Taburan Responden Mengikut Pengalaman Mengajar	132
4.12	Min dan Sisihan Piawai (SP) bagi Setiap Pemboleh Ubah Bersandar (Praujian) mengikut Kaedah Kepimpinan (KKM dan KK) yang Didedahkan kepada Guru	134
4.13	Maklum Balas Tahap Komunikasi Guru bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Kaedah Kepimpinan (KKM dan KK)	137
4.14	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Komunikasi)	139
4.15	Keputusan Ujian ANCOVA untuk Pascaujian Komunikasi antara Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Rawatan IP (N=156)	140
4.16	Maklum Balas Tahap Prestasi Kerja Harian Guru bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Kaedah Kepimpinan (KKM dan KK)	141
4.17	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Prestasi Kerja Harian)	145
4.18	Keputusan Ujian ANCOVA untuk Pascaujian Prestasi Kerja Harian antara Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Rawatan IP (N=156)	146

4.19	Maklum Balas Tahap Motivasi Guru bagi Tempoh Praujian dan Pascaujian terhadap Kaedah Kepimpinan (KKM dan KK)	147
4.20	Ringkasan Perbandingan Min dan Sisihan Piawai (SP) pada Tempoh Praujian dan Pascaujian bagi Pemboleh Ubah Bersandar (Motivasi)	151
4.21	Keputusan Ujian ANCOVA untuk Pascaujian Komunikasi antara Kumpulan Kawalan dengan Kumpulan Rawatan IP (N=156)	152
4.22	Korelasi antara komunikasi dengan prestasi kerja harian dalam kalangan guru melalui KKM	153
4.23	Korelasi antara komunikasi dengan motivasi dalam kalangan guru melalui KKM	154
4.24	Ringkasan bagi Hipotesis Kajian 1-5	155

SENARAI RAJAH

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Kerangka Konseptual Kajian	16
2.1	Model Penerimaan Teknologi (Davis, 1986)	43
2.2	Konsep e-keimpinan, kepimpinan maya dan kepimpinan mobil secara keseluruhan	53
3.1	Reka Bentuk Kuasi Eksperimen Ujian Pra dan Pasca	85
3.2	Langkah-langkah Pembentukan Instrumen Kajian	91
3.3	Prosedur Kajian	101

SINGKATAN

AST	<i>Adaptive Structuration Theory</i>
KK	Kumpulan Kawalan
KKM	Kumpulan Kepimpinan Mobil
TAM	Model Penerimaan Teknologi (<i>Technology Acceptance Model</i>)



SENARAI LAMPIRAN

- A Jadual Nilai Keseluruhan Cronbach's Alpha
 Jadual Nilai Cronbach's Alpha Mengikut Setiap Item Bahagian
- B Borang Soal Selidik
- C Kesahan Muka Instrumen Soal Selidik
- D Jadual Waktu Ganti Kelas
- E Surat Kelulusan KPM
- F Surat Kelulusan JPN
- G Histogram dan q-q plot
- H Kebenaran Menggunakan Peranti Mobil "Humanity 2.0"





BAB 1

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan



Pada era digital ini, teknologi mobil memainkan peranan penting dalam kehidupan harian. Hal ini adalah demikian kerana teknologi mobil telah memberikan satu pelantar kepada seseorang individu untuk mencungkil, mengembangkan dan mempercepatkan bakat pengurusan bagi sesebuah organisasi (Cousins & Robey, 2015). Peningkatan kemahiran pekerja merupakan salah satu cara untuk mengekalkan pekerja dalam suasana kerja yang berdaya saing dari semasa ke semasa (McIntosh & Luecke, 2011). Pekerja yang berpotensi tinggi akan dapat mencapai matlamat yang ditetapkan dengan bimbingan dan garis panduan yang diberikan oleh pihak pengurusan (Burton, 2012).





Oleh sebab teknologi berkembang dengan begitu pesat, maka kemahiran kepimpinan yang baru perlu dipupuk dalam kalangan pekerja. Selain itu, teknologi yang moden boleh mendatangkan unsur-unsur baru, kreatif dan inovatif dalam kepimpinan dan pengurusan sesebuah organisasi. Hal ini demikian kerana teknologi baru memberikan peluang yang unik kepada pekerja yang dapat menyenangkan seseorang individu untuk memainkan peranannya serta memberi tumpuan kepada kebolehan kepimpinan yang penting. Oleh itu, organisasi boleh mewujudkan budaya pembelajaran dan meningkatkan keupayaan kolektif dan produktiviti syarikat (Parsons, 2013).

Tomlinson (2015) berpendapat bahawa teknologi mobil bukan sahaja boleh merevolusikan pengajaran dan pembelajaran, tetapi juga memberi bantuan dalam kepimpinan di sekolah pada abad ke-21. Teknologi mobil mempunyai kapasiti bagi membolehkan guru melibatkan diri untuk berhubung dengan guru lain dalam suasana pekerjaan dengan menggunakan imej dan bunyi yang disediakan. Teknologi mobil juga membekalkan jaringan kepada rakan-rakan sama ada yang berada berdekatan atau yang berjauhan untuk melakukan tugas penting di samping menghantar mesej yang memotivasikan antara satu sama lain. Dengan adanya teknologi baru ini, guru boleh menggunakan video, audio dan gambar sebagai medium untuk bekerjasama dan membina kekuatan antara satu sama lain.

Teknologi mobil boleh dikatakan sebagai “*genie in the hand*” yang membolehkan guru-guru mencari maklumat yang diperlukan pada masa tersebut (Tomlinson, 2015). Hal ini demikian kerana teknologi mobil ini mempunyai potensi





yang besar membolehkan pengurusan sekolah dijalankan dengan lebih berkesan dan terkawal. Ia adalah bersesuaian digunakan untuk meningkatkan komunikasi dan interaksi menjadi lebih berkesan (Irshad Hussain & Muhammad Aslam Adeeb, 2009). Pihak pentadbir sekolah boleh memantau kehadiran, kelakuan serta prestasi guru dan memberi arahan berkaitan dengan tugas sekolah kepada setiap guru secara berterusan (Mohd Yusri Ibrahim, Che Hasniza Che Noh & Siti Zaimah Ibrahim, 2013; Mohd Yusri Ibrahim, 2014). Teknologi mobil dan aplikasi menyenangkan guru memberikan maklum balas, mengeluarkan peringatan berkaitan dengan aktiviti dan tugas sekolah dan berinteraksi dengan pihak pentadbir, rakan sekerja, pelajar atau ibu bapa (Blau & Presser, 2013).



Sejak kebelakangan ini, Google Malaysia telah mengambil inisiatif untuk melancarkan Program Kepimpinan Mobil (*Mobile Leadership Program*) walaupun bukan dalam bidang pendidikan tetapi dalam bidang perniagaan Malaysia terutamanya bagi Industri Kecil dan Sederhana dengan penggunaan mobil (Wong, 2015). Oleh itu, program ini berpotensi dapat membantu pemimpin sekolah meningkatkan kepimpinan dalam melaksanakan sesuatu tugas untuk mencapai matlamat tertentu.





Kepimpinan didefinisikan sebagai proses mempengaruhi seseorang individu supaya mereka akan berusaha dengan sukarela ke arah pencapaian matlamat kumpulan (Akpan & Archibong, 2012). Pemimpin adalah seorang yang merangsang, mendorong dan mengiktiraf pekerjaanya untuk menyelesaikan kerja yang diberikan dan mencapai keputusan yang dikehendaki (Andersen, 2016). Maka, seorang pemimpin sekolah perlu mengawal, memandu, mempengaruhi kegiatan guru, pelajar dan kakitangan bukan mengajar menjurus ke arah matlamat sekolah. Pemimpin sekolah juga perlu memotivasikan dan menyelaraskan guru-guru untuk berkomunikasi antara satu sama lain supaya membina semangat kerjasama dan kerja berpasukan demi mengatasi halangan yang dihadapi apabila melaksanakan wawasan baru (Simamora, 2013). Selaras dengan kepesatan teknologi pada hari ini, terutamanya telefon bimbit dapat dijadikan satu medium yang digunakan oleh pemimpin sekolah



Kebanyakan penyelidik (Issham Ismail, Siti Fatimah Bokhare, Siti Norbaya Azizan & Nizuwan Azman, 2013; Issham Ismail, Siti Norbaya Azizan & Nizuwan Azman, 2013; Aliff Nawawi, Mohd Isa Hamzah & Surina Akmal Abd Sattai, 2014) menjelaskan majoriti guru bersetuju bahawa menggunakan telefon bimbit adalah mudah. Oleh itu, ia boleh dianggap bahawa kebanyakan guru telah biasa dengan teknologi telefon bimbit.

Pada masa yang sama, Aliff Nawawi dan Mohd Isa Hamzah (2013) berpendapat bahawa penggunaan telefon bimbit sebagai alat m-pembelajaran adalah bersesuaian dan wajar untuk digunakan dalam kalangan guru di samping menyumbang kesan





positif dalam pembelajaran di sekolah secara meluas (Falloon, 2013). Namun demikian, kepimpinan di sekolah kurang menggunakannya. Selain itu, hasil kajian Issham Ismail, Siti Fatimah Bokhare, Siti Norbaya Azizan dan Nizuwan Azman (2013) juga menghuraikan tahap penerimaan teknologi dalam kalangan guru adalah tinggi dari segi kesedaran dan motivasi, latihan dan kursus, reka bentuk latihan dan sokongan serta kemudahan. Sehubungan dengan itu, Mohammed Yousef Mai (2015) menjelaskan guru mempunyai sikap yang positif di mana mereka menggunakan telefon bimbit untuk menjalankan pelbagai jenis tugas pendidikan.

Namun, kesediaan guru untuk penggunaan telefon bimbit dalam pengajaran dan pembelajaran didapati berada pada tahap yang rendah (Issham Ismail, Siti Norbaya Azizan dan Nizuwan Azman, 2013). Dalam kajian tersebut, guru kurang bersetuju menggunakan telefon bimbit dalam pengajaran dan pembelajaran.

Sebaliknya, dapatan kajian Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah dan Azwin Arif Abdul Rahim (2015) menunjukkan tahap penerimaan telefon bimbit sebagai alat pembelajaran oleh guru adalah sangat tinggi sebanyak 96.9%. Hasil kajian Taleb, Ahmadi dan Musavi (2015) menunjukkan guru berminat dengan menggunakan teknologi mobil dalam pembelajaran. Di samping itu, Aliff Nawi, Mohd Isa Hamzah, Chua dan Abdul Halim Tamuri (2015) melaporkan bahawa guru berpuas hati kerana teknologi mobil boleh digunakan sebagai bahan untuk membantu guru dalam penyediaan pengajaran di samping mendatangkan faedah seperti meningkatkan pengetahuan dalam bidang pengajaran.





Berdasarkan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (2015) dapatan kajian menunjukkan pengguna telefon bimbit dalam kalangan rakyat Malaysia mencapai 87.9% pada tahun 2014. Menurut Anuar Mohd Yusof, Esther Gnanamalar Sarojini Daniel, Wah Yun Low dan Kamarulzaman Abdul Aziz (2014), penggunaan mobil sebagai alat pengajaran dan pembelajaran masih di peringkat awal dan memerlukan pertimbangan yang lebih sebelum teknologi ini dapat dilaksanakan secara meluas di sekolah. Sebaliknya, Baran (2014) menyatakan bahawa penggunaan teknologi mobil pada zaman sekarang menjurus ke dalam pendidikan tetapi bukan kepimpinan. Maka, pemimpin perlu mengamalkan kepimpinan yang bersesuaian dengan pelaksanaan perubahan dalam sistem pendidikan (Siva, Khuan & Khoo, 2015). Dalam kajian ini, memandangkan penggunaan mobil menjadi sohor kini dalam kalangan guru, maka pemimpin sekolah dicadangkan mengintegrasikan mobil dalam kepimpinan. Kajian ini akan menggunakan kaedah kuasi eksperimen yang melibatkan dua kumpulan iaitu kumpulan kawalan (KK) dan kumpulan kepimpinan mobil (KKM).

1.3 Permasalahan Kajian

Antara masalah kajian ialah pemimpin sekolah jarang berkomunikasi dengan guru, kehadiran guru sukar dikesankan, tahap motivasi guru yang rendah dan hubungan lemah antara gaya komunikasi guru besar dengan motivasi guru. Pada masa sekarang, pemimpin sekolah boleh dikatakan jarang berkomunikasi dengan guru di sekolah (Vishalache Balakrishnan, 2005) disebabkan bebanan tugas yang perlu dijalankan





(Muhammad Javed Sawati & Saeed Anwar, 2013). Pemimpin sekolah juga mengamalkan komunikasi sehalu dengan guru-guru sekolah, walaupun mesej dihantar dengan jelas dan berkesan dalam melahirkan idea, tetapi ia tidak semestinya menjamin mesej tersebut difahami seperti yang sepatutnya (Clampitt, 2001). Kebanyakan penyelidik (Mohd Yusri Ibrahim & Wan Ismail Wan Abdullah, 2015; Mohd Yusri Ibrahim, 2014) melaporkan pemimpin sekolah adalah sangat sibuk dalam konteks Malaysia. Burkhauser, Gates, Hamilton dan Ikemoto (2012) pula menerangkan pengetua menggunakan masa dan usahanya dalam menganalisis data, serta menjalankan pemerhatian dalam bilik darjah. Pengetua juga membentuk budaya dan hubungan dalam komuniti sekolah, membentuk pasukan kepimpinan dan menggalakkan guru dalam pembangunan profesionalisme. Justeru, penyelidik ingin mengkaji sama ada kepimpinan mobil dapat menyumbang kepada komunikasi dalam



Sejak kebelakangan ini, kehadiran guru di sekolah sukar dikesankan oleh guru besar atau pengetua sehingga menimbulkan isu ketidakhadiran guru di sekolah. Menurut laporan *Borneo Post Online* (2011) melaporkan bahawa hasil pemantauan dan pemeriksaan pihak Jemaah Nazir dan Jaminan Kualiti (JNJK) mendapati sebanyak 117 guru dan 157 guru di negeri Sabah tidak hadir bertugas pada bulan Februari dan Mei 2010 masing-masing. Oleh itu, antara satu cara untuk mengatasi kehadiran guru adalah kepimpinan mobil.





Berdasarkan hasil kajian-kajian lepas, tahap motivasi guru di sekolah adalah berada di tahap rendah. Sehubungan dengan itu, hubungan signifikan yang lemah antara gaya kepimpinan pengetua dengan tahap motivasi guru turut ditunjukkan (Nik Badrul Hisham Nik Ismail & Mastura Mahfar, 2015). Oleh demikian, pemimpin sekolah perlulah meningkatkan tahap motivasi dalam kalangan guru dengan mengamalkan kepimpinan mobil.

Dapatan kajian Noraini Hayati Ahmad (2008) pula menunjukkan hubungan lemah yang signifikan antara gaya komunikasi guru besar dengan motivasi guru. Eres dan Atanososka (2011) turut mengatakan pemimpin sekolah yang kurang terlibat akan membawa faktor negatif terutamanya kepada guru di sekolah di mana dapatan kajian beliau menunjukkan guru-guru tidak berpuas hati dengan keadaan, budaya dan iklim komunikasi di sekolah (Roberge, 2013). Oleh itu, penyelidik ingin mengkaji hubungan antara komunikasi dengan motivasi serta hubungan antara komunikasi dengan prestasi kerja harian dalam kalangan guru.

Oleh itu, penyelidik ingin mengambil peluang ini untuk memperkenalkan kepimpinan mobil dalam kalangan guru iaitu merangkumi aspek komunikasi, prestasi kerja harian dan motivasi. Dalam konteks ini, kajian dilakukan untuk melihat tahap kesan kepimpinan mobil terhadap peningkatan kelancaran komunikasi, prestasi kerja harian dan motivasi guru di sekolah serta mengatasi permasalahan yang wujud.

